

ISU	Jawatankuasa khas tangani belia menganggur
Akhbar	Berita Harian
Tarikh	22 April 2019 (Isnin)
Ruang	Isu
Muka Surat	5

Jawatankuasa khas tangani belia menganggur

Georgetown: Kabinet bersetuju menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi menangani isu kadar pengangguran dalam kalangan belia dan tangga gaji yang tidak setimpal dihadapi golongan itu.

Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman, berkata jawatankuasa itu bukan saja dianggotai menteri berkaitan tetapi juga tokoh korporat dan akan dipengerusikan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad sendiri.

Beliau berkata, statistik Kementerian Sumber Manusia dan Bank Negara Malaysia (BNM) merekodkan kadar pengangguran belia di negara ini berada pada paras 10.7 peratus.

Kurang kadar pengangguran

"Kementerian Belia dan Sukan terpacu untuk berusaha mengurangkan kadar pengangguran daripada 10.7 peratus kepada 'angka tunggal', dengan mengusulkan menubuhkan jawatankuasa khas.

"Jawatankuasa khas ini bertujuan mencari dan mencipta sejuta peluang pekerjaan seperti dalam manifesto Pakatan Harapan (PH) pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) lalu. Kita jangkakan ia dapat dicapai dalam tempoh lima hingga 10 tahun," katanya.

Syed Saddiq berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Festival Anak Muda Pulau Pinang yang turut dihadiri Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin serta EXCO Belia dan Sukan negeri, Soon Lip Chee di Tapak Pesta, di sini semalam.

Katanya, apa yang unik ialah jawatankuasa khas berkenaan bukan hanya diwakili menteri, tetapi akan disertai tokoh korporat yang mencipta puluhan ribu peluang pekerjaan di negara ini.



Jawatankuasa
khas ini
bertujuan
mencari dan
mencipta

sejuta peluang pekerjaan seperti dalam manifesto Pakatan Harapan (PH) pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) lalu. Kita jangkakan ia dapat dicapai dalam tempoh lima hingga 10 tahun"

Syed Saddiq Syed Abdul Rahman,
Menteri Belia dan Sukan